

11 pelajar UUM dan UMB Jakarta tamat Program Mobiliti di UMS

NST . 26. 6. 16 2

KOTA KINABALU: Seramai 11 pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Mercu Buana (UMB) Jakarta berjaya menamatkan Program Mobiliti selama satu semester di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Dekan Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) UMS, Prof Madya Dr.Mohd Dahlan Hj.A Malek berkata daripada kesemua pelajar itu tujuh orang dari UUM dan selebihnya dari UMB.

"Tahniah kepada Fakulti Psikologi dan Pendidikan atas kejayaan mengendalikan program mobiliti dengan baik. Diharap pada masa akan datang, program ini dapat diperluaskan ke universiti-universiti tempatan dan juga luar negara.

"Ini penting dalam usaha fakulti menaikkan KPI program dan fakulti serta KPI universiti," katanya ketika berucap pada Majlis Tamat Program Mobiliti, di sini, kelmarin.

Program itu diadakan bagi meraih pelajar Program Mobiliti daripada Universiti Utara Malaysia dan Universiti Mercu Buana, Jakarta Indonesia.

Mohd Dahlan berkata, pada semester pertama sesi akan datang, FPP bercadang menghantar enam pelajar iaitu dua wakil daripada tiga program Psikologi iaitu Program Pembangunan Belia dan Komuniti (HA16), Program Industri dan Organisasi (HA13) dan Program Kanak-kanak dan Keluarga (HA20) ke Universiti Mercu Buana.

"Program mobiliti dengan Universiti Mercu Buana akan diteruskan pada masa akan datang dengan melibatkan lebih ramai pelajar daripada program lain," katanya.

Beliau berkata Program Mobiliti merupakan salah satu platform bagi pelajar mendapatkan pengalaman dan pengetahuan daripada universiti lain.

"Pengalaman dan pengetahuan yang baru sudah pasti akan dapat memberikan kebaikan dan impak positif kepada pelajar, fakulti dan universiti," katanya dan menambah program mobiliti antara UMS-UUM sebelum ini dijalankan di bawah Program Kerja Sosial.

Mohd Dahlan berharap melalui program ini, para pelajar dapat memanfaatkan ilmu dan pengalaman yang diperoleh dengan baik.

"Kami berharap para pelajar daripada UUM dan Universiti Mercu Buana dapat berkongsi pengalaman dan pengetahuan yang diperoleh di UMS dengan pelajar lain di universiti masing-masing.

"Penglibatan pelajar daripada UUM dan Mercu Buana dalam aktiviti akademik dan ekstra akademik sudah pasti akan dapat membantu pelajar mengenali kepelbagaiannya program dan kaedah pengajaran, dan juga budaya yang mungkin berbeza dengan budaya di tempat asal pelajar," katanya.

Bagi pelajar UMS yang kini masih berada di UUM, beliau berharap semoga pengalaman yang diperoleh di UUM dapat dimanfaatkan untuk masa depan.

"Saya berharap agar program mobiliti ini dapat diteruskan pada masa akan datang demi kecemerlangan pelajar dan universiti," katanya. - **OLEH MARRYAN RAZAN** - marryan@news-abahtimes.com.my